

# BULETIN MPAG

EDISI JULAI - DIS 2021  
SIRI 1/2021

majlis perbandaran  
**ALOR GAJAH**

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH مجلس قبیاندارن الور گاچه

majlis perbandaran  
**ALOR GAJAH**



## **MPAG & UniKL**

### **Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOC)**

Penyertaan di dalam Program EPIC (Educational Partnerships For Innovation In Communities) yang berpusat di Amerika Syarikat



ms 13



ms 15

## Kandungan

MPAG Sumbang Kit Makanan  
Jom! Ke Melaka  
MPAG & UniKL Tandatangani (MOC)  
Pengauditan MS ISO 9001:2015  
"Snap N Go MPAG"  
Ikrar Bebas Rasuah  
Sanitasi & Disinfeksi Kendiri  
Pemenang Bertuah Bawa Pulang Motosikal  
Kutip 53 Kg Sampah  
Program LA21 MPAG  
Taman Sifar Sampah  
Anugerah Staf Cemerlang  
"Litter Picker" Nadi Kebersihan Alor Gajah  
MPAG & MPK Berkongsi Pengetahuan  
Kunjung Hormat Daripada Melaka Hari Ini  
Kunjung Hormat  
Majlis Send Off  
Misi Bantuan Pasca Banjir MPAG

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan  
*Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Alor Gajah*

### KETUA PENYELARAS

YBhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom  
*Setiausaha, Majlis Perbandaran Alor Gajah*

### KETUA EDITOR

En Azizan bin Sulong  
*Pengarah Korporat & Khidmat Masyarakat*

### EDITOR

Puan Rahayu binti Rahmat  
Encik Patrick Tan Peng Sin

### PEREKA GRAFIK / JURUFOTO

Encik Mohd Asri bin Ab Aziz

### SIDANG EDITOR

Puan Radzyma binti Mahat  
Puan Hjh. Marina binti Rasol  
TPr. Puan Nurul Adawaty binti Hj. Ismail  
Sr Puan Rosnani binti Ibrahim  
Puan Marlini binti Mohamed  
Tuan Hj. Mohd Bukhari bin Baharuddin  
Tuan Hj. Sugiman bin Johari  
Encik Abdul Rahman bin Nordin  
Encik Juwis Ladiu  
Encik Mohd Fuad bin Musrik  
LAr. Encik Kamarudin bin Mustapa  
Encik Mohd Faizal bin Mohd Zin  
Encik Mohd Faidz bin Leman  
Puan Nurhaslina binti Bahari  
Encik Muhammad Syafiq bin Saleh

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat & Khidmat Masyarakat  
Majlis Perbandaran Alor Gajah,  
Lebuh AMJ,  
78000 Alor Gajah, Melaka,  
Malaysia.



6.4.2021

## MPAG SUMBANG KIT MAKANAN

### Melaka terima 2,800 kit makanan dan 400,000 pelitup muka

MPAG telah menyumbang sebanyak 300 kit makanan di Majlis Penyerahan Sumbangan Face Mask dan Kit Makanan yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka di kediaman rasminya di Seri Bendahara. YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua MPAG telah menyampaikan kit makanan tersebut kepada Ketua Menteri Melaka bagi memberi sokongan kepada kerajaan negeri dalam membantu rakyat negeri Melaka yang terkesan dengan pandemik Covid 19. Kerajaan negeri menerima lebih 400,000 pelitup muka dan 2,800 kit makanan daripada pelbagai agensi termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi meringankan beban rakyat Melaka. Pihaknya mengalu-alukan penglibatan agensi lain termasuk syarikat korporat untuk menyantuni rakyat.





15.10.2021

## JOM! KE MELAKA

### 1,000 Pengunjung Terawal Tiba di Melaka Terima Cenderahati

YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua MPAG diiringi bersama wakil-wakil Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka telah mengedarkan bahan-bahan promosi & kit cegah Covid-19 kepada pelancong yang tiba melalui Tol Simpang Empat di Program Sambutan Ketibaan Pelancong Ke Negeri Melaka Sempena Kebenaran Pergerakan Rentas Negeri.



Seramai 1,000 pengunjung terawal yang tiba di pintu masuk Melaka termasuk di Plaza Tol Ayer Keroh, Tol Simpang Ampat dan Melaka Sentral menerima cenderahati istimewa daripada kerajaan negeri, sauhati berbentuk kit penjagaan kesihatan itu diberikan bersempena majlis sambutan ketibaan pelancong ke Melaka bagi menggalakkan kemasukan pelancong sempena kebenaran pergerakan rentas negeri dan berharap sektor ekonomi khususnya sektor pelancongan Negeri Melaka akan kembali pulih.

23.8.2021

# KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG

## Kibar Jalur Gemilang Pupuk Semangat Patriotik



Pada 23 Ogos 2021 satu Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Majlis Perbandaran Alor Gajah Tahun 2021 Sempena Sambutan Hari Kebangsaan telah diadakan di perkarangan pejabat MPAG. Antara acara yang diadakan dalam majlis pelancaran tersebut ialah pemasangan Jalur Gemilang pada kenderaan Jabatan, penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua Jabatan dan pelanggan di lobi serta pemasangan Jalur Gemilang di Taman Mini MPAG.





26.10.2021

## MPAG & UniKL Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOC)

MPAG dan UniKL MICET telah bekerjasama bagi penyertaan di dalam Program EPIC (Educational Partnerships For Innovation In Communities) yang berpusat di Amerika Syarikat. Ia merupakan sebuah program bagi memperolehi kemahiran serta pemahaman tentang bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan dan Universiti dapat bekerjasama dengan lebih berkesan untuk menangani cabaran yang berkaitan dengan penyesuaian masalah setempat. YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, YDP mewakili MPAG menandatangani MOC bersama Profesor Dato Dr. Azanam Shah bin Hashim, mewakili Presiden (UniKL).



12.11.2021

## PENGAUDITAN MS ISO 9001:2015

Pengauditan MS ISO 9001:2015 bagi Surveillance Audit oleh pihak SIRIM QAS International SDN BHD telah dilakukan di MPAG pada 11&12 November 2021.

MPAG telah berjaya menyambung persijilan MS ISO 9001:2015. Tahniah diucapkan kepada semua warga kerja MPAG. MPAG Menuju Ke Arah Bandar Lestari Dan Berdaya Huni Menjelang 2030.





26.10.2021

## "Snap N Go MPAG"

### Lebih Sistematik dan Pantas

MPAG telah memperkenalkan Sistem "Snap N Go MPAG" bagi akses kemasukan pelanggan ke pejabat MPAG yang dilaksanakan di pintu masuk Balai Pengawal. Dengan adanya sistem ini, maklumat pelanggan yang datang berurusan di pejabat MPAG akan direkodkan secara lebih sistematik dan dapat mempercepatkan proses urusan pelanggan di kaunter pengawal tanpa perlu turun untuk menyerahkan dokumen pengenalan serta dapat mengatasi masalah kesesakan. Sistem ini juga sesuai dilaksanakan di masa kini iaitu ketika pandemik Covid-19. Pelancaran sistem ini telah dilaksanakan oleh YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua MPAG.





6.12.2021

## IKRAR BEBAS RASUAH

### Warga MPAG Zahir Ikrar Bebas Rasuah

Warga kerja dan Ahli Majlis Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) melafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi memastikan agensi berkenaan bebas salah laku rasuah dan salah guna kuasa. IBR mencerminkan komitmen warga agensi terbabit bersih dan bebas daripada belenggu rasuah yang boleh meruntuhkan institusi kerajaan dan masyarakat. Turut hadir dalam perhimpunan tersebut ialah Penolong Pesuruhjaya Bahrudin bin Hj Suib, Timbalan Pengarah Operasi SPRM Melaka, Ahli-Ahli Majlis MPAG, Pegawai-pegawai SPRM Melaka, Ketua Jabatan / Unit dan kakitangan MPAG.



16.12.2021

## SANITASI & DISINFEKSI KENDIRI

Satu taklimat bagi kempen sanitasi dan disinfeksi kendiri telah diadakan bagi memberi kesedaran dan panduan kepada pengusaha-pengusaha premis di dalam daerah Alor Gajah. Kempen ini bertujuan menggalakkan pengusaha premis melaksanakan sanitasi dan disinfeksi kendiri di premis masing-masing bagi mengekang penularan virus Covid-19 terutama di premis yang sering dikunjungi oleh ramai pelanggan seperti kedai makanan dan minuman, stesen petrol serta peralatan yang sering digunakan di dalam premis tersebut. Turut hadir sama YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua MPAG diiringi oleh YBhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom, Setiausaha MPAG.





7.12.2021

## PEMENANG BERTUAH BAWA PULANG MOTOSIKAL

Majlis Penyampaian Hadiah bagi pemenang cabutan Insentif Cukai Taksiran Harta Majlis Perbandaran Alor Gajah Tahun 2021. Sembilan orang pemenang bertuah telah menerima hadiah yang disediakan iaitu 3 unit televisyen, 5 unit basikal mountain bike dan hadiah utama berupa sebuah motosikal EX5. Majlis ini telah diadakan diperkarangan lobi pejabat MPAG dan dirasmikan oleh YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua MPAG diiringi oleh YBhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom, Setiausaha dan Tuan Hj Jaapar bin Hj Abd Razak, Timbalan Ketua Whip Ahli Majlis MPAG.

**PROGRAM INSENTIF  
CUKAI TAKSIRAN HARTA 2021**

**Hadiah Utama**  
**Motosikal EX5**

**Hadiah Lain**  
**Basikal MB (5x)**  
**Televisyen (3x)**

UNTUK KETERANGAN LANJUT  
SILA HUBUNGI : 06 556 2575 samb: 1265 / 1203  
JABATAN PENAKUAN & PENGURUSAN HARTA MPAG

**Tarikh Akhir Penyertaan**  
30 September 2021

Bayar keseluruhan cukai taksiran setahun 2021 tanpa tunggakan. Semakan dan transaksi bayaran secara dalam talian dengan melayari MelakaPay atau PBTPay

**Syarat Kelayakan**

- Warganegara Malaysia
- Pemilik yang telah melaksanakan kewajipan cukai taksiran & tunggakan sebelum atau 30.9.2021
- Pemilik yang telah menunaikan 8 minggu terakhir permoderan pencipta milik (Dorong 12 kali) sebaik pemilik tarkas & xo kad pengingaran.





18.9.2021

## KUTIP 53 KG SAMPAH

### Kutipan Sampah Di Sepanjang Pantai Pengkalan Balak

MPAG dengan kerjasama SWCorp Melaka , SWM Environment telah mengadakan Program pembersihan Pantai Pengkalan Balak. Program ini telah dihadiri oleh Ybhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom, Setiausaha Majlis mewakili YDP, Ketua Whip Ahli Majlis, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah Kebersihan dan Kesihatan, Pengarah SWCorp Negeri Melaka, Encik Khairuladha bin Ab Mutalib dan pegawai SWCorp serta sukarelawan. Sebanyak 53 kilogram sampah dan sisa kitar semula berjaya dikutip Majlis Perbandaran Alor Gajah, di Pantai Pengkalan Balak, ia bersempena pelaksanaan World Clean Up Day 2021 yang dijalankan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 1.00 tengah hari.





## PROGRAM LA21 MPAG

### Program Tanam Pokok & Pelepasan Ikan

Sebanyak 10 ribu anak ikan yang terdiri daripada ikan Talapia, Lampam dan Baung telah dilepaskan ke dalam kolam dan 60 batang pokok 'Tabebuia Rosea' atau dikenali dengan nama 'Tecom' akan ditanam di sekitar Taman Rekreasi Durian Daun, Masjid Tanah. Ia merupakan inisiatif MPAG di dalam menjaga, memelihara dan melindungi alam sekitar serta mengekalkan ekosistem.

30.10.2021

## TAMAN SIFAR SAMPAH

### Taman Kasa Height perintis 'Taman Sifar Sampah'

Program jalinan kerjasama antara MPAG dan persatuan penduduk ini merupakan cetusan idea daripada Jabatan Perancangan Bandar mengikut matlamat Pembangunan Mampan 2030 dan ia merupakan langkah awal yang penting bagi membentuk sebuah komuniti yang lestari. Sisa Sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tempat pelupusan sampah yang sedia ada.



8.10.2021

## ANUGERAH STAF CEMERLANG

Majlis Penyampaian Anugerah Staf Cemerlang Suku Tahun Pertama dan Suku Tahun Kedua Tahun 2021 MPAG telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPAG, YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan dan diiringi oleh Setiausaha MPAG, YBhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah, semoga akan berkhidmat lebih cemerlang pada masa akan datang.



9.11.2021

## 'Litter Picker' Nadi Kebersihan Alor Gajah

Majlis Penyerahan dua (2) unit motosikal beroda tiga untuk keperluan pasukan 'Litter Picker' Jabatan Kebersihan dan Kesihatan MPAG dalam kerja-kerja pembersihan sekitar bandar Alor Gajah serta satu (1) unit motosikal untuk Jabatan Khidmat Pengurusan oleh YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan, Yang Dipertua MPAG diiringi bersama YBhg. Datuk Saleh bin Mohd Dom, Setiausaha dan Ketua Jabatan / Unit berkaitan.





## MPAG & MPK BERKONGSI PENGETAHUAN

MPAG menerima lawatan kerja dari Majlis Perbandaran Kangar Perlis bagi berkongsi pengetahuan dan pengalaman MPAG dalam pengurusan pelupusan fail dan rekod, pengurusan mesyuarat, pengurusan aset dan stor kerajaan serta pengurusan kenderaan. Delegasi Majlis Perbandaran Kangar diketuai oleh Puan Sharifah Balkish binti Syed Noh, Pengarah Pengurusan MPK. Turut hadir sama Puan Hjh Marina binti Rasul, Pengarah Pengurusan MPAG dan En Azizan bin Sulong, Pengarah Korporat & Khidmat Masyarakat MPAG.



15.9.2021

### Kunjung Hormat Daripada Melaka Hari Ini

Yang Dipertua MPAG, YBhg. Tuan Mohd Fadhil bin Hassan menerima kunjung hormat daripada YBhg. Datuk Seri Abdul Jalil bin Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Melaka Hari Ini (MHI). Hadir sama, YBrs. Encik Anuar bin Shaari, Ketua Pegawai Operasi Melaka Hari Ini (MHI). Turut berlangsung sesi wawancara Yang Dipertua MPAG bersama MHI.



## KUNJUNG HORMAT



YBhg. Tuan Mohd Fadhil Bin Hassan, YDP MPAG telah menerima kunjung hormat daripada YB Tuan Zahari Bin Abd Kalil, ADUN Durian Tunggal bagi membincangkan pembangunan dan isu rakyat khususnya di dalam kawasan Durian Tunggal.

YDP MPAG telah menerima kunjung hormat daripada YB Datuk YB Datuk Hameed M K Basheer, ADUN Ayer Limau.



Menerima kunjung hormat daripada Ketua Pegawai AADK Daerah Alor Gajah, Puan Siti Aishah bt Aman.



Menerima kunjung hormat daripada En. Khairizam bin Ibrahim, (Ketua Perkhidmatan Pelanggan), Bahagian Retails, TNB Melaka.

Menerima kunjung hormat daripada Tuan Zahari bin Md Afandi, YDP Majlis Daerah Tampin bersama Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan MDT.



## MAJLIS SEND OFF



Majlis Send Off En Mathivanan A/L Suppan, Pemandu Kenderaan Gred H11 Terima kasih diucapkan atas curahan bakti selama 36 tahun perkhidmatan bersama MPAG.



Majlis Send Off En Ganesan A/L Vellaisamy, Pembantu Awam Gred H14.Terima kasih diucapkan atas curahan bakti selama 33 tahun perkhidmatan bersama MPAG.



Majlis Send Off Tuan Haji Alias bin Amit, Pemandu Kenderaan Gred H11. Terima kasih diucapkan atas curahan bakti selama 35 tahun perkhidmatan bersama MPAG.





Diterbitkan Oleh:

**JABATAN KORPORAT & KHIDMAT MASYARAKAT**

**MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH,**

Lebuh AMJ,  
78000 Alor Gajah, Melaka

T : +606 333 3333

F : +606 556 4909

E : [mpag@mpag.gov.my](mailto:mpag@mpag.gov.my)